



AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PENGUNTUKAN KELAS NO. 1 TAHUN 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 169 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Suruhanjaya mengeluarkan penguntukan kelas yang memberikan hak kepada mana-mana orang untuk menggunakan jalur-jalur frekuensi bagi peranti-peranti berikut:

- (a) peranti capaian bergerak bersel seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) peranti radiokomunikasi jarak dekat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (c) peranti capaian radio saluran pajakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (d) peranti capaian radio sesalur seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (e) peranti perkhidmatan radio peribadi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;
- (f) peranti telefon tanpa kord seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keenam;
- (g) peranti capaian kelui radio dua-hala seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh;
- (h) peranti capaian wayarles seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan;
- (i) peranti capaian telemetri radio seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan;
- (j) terminal apertur sangat kecil seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesepuluh;
- (k) peranti infra merah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesebelas;

- (l) peranti kawalan jarak jauh seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua belas;
- (m) peranti keselamatan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga belas;
- (n) peranti mikrofon wayarles seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keempat belas;
- (o) peranti optik ruang bebas seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelima belas;
- (p) peranti perindustrian, saintifik dan perubatan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keenam belas;
- (q) peranti identifikasi frekuensi radio seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh belas;
- (r) implan perubatan aktif seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kelapan belas;
- (s) peranti capaian telemetri bergerak penerbangan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan belas;
- (t) peranti capaian satelit bergerak seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua puluh;
- (u) peranti penerima penyiaran satelit seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua puluh satu;
- (v) peranti penerima penyiaran televisyen terestrial seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua puluh dua;
- (w) peranti penerima penyiaran radio terestrial seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua puluh tiga;
- (x) peranti penerima kelui radio satu-hala seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua puluh empat; dan
- (y) peranti penerima radiolokasi satelit seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua puluh lima.

Permulaan kuat kuasa

1. Penguntukan kelas ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2010.

Tafsiran

2. (1) Dalam penguntukan kelas ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“jalur-jalur frekuensi yang ditetapkan” ertinya jalur-jalur frekuensi yang dinyatakan dalam perenggan 2 pada setiap jadual dalam penguntukan kelas ini;

“Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut” ertinya Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut yang dibuat di London dalam tahun 1974 berkenaan dengan keselamatan nyawa di laut, dan termasuklah apa-apa konvensyen selepas itu, yang baginya Kerajaan adalah suatu pihak; dan jika apa-apa pindaan kepada Konvensyen itu mula berkuat kuasa berkenaan dengan Malaysia, sebutan dalam penguntukan kelas ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ditafsirkan sebagai sebutan kepada Konvensyen yang dipinda itu; dan

“Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa” ertinya Perlembagaan dan Konvensyen Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa yang ditandatangani di Geneva dalam tahun 1992 berhubungan dengan telekomunikasi, dan termasuklah apa-apa Perlembagaan dan Konvensyen selepas itu, yang baginya Kerajaan adalah suatu pihak, dan ia meliputi apa-apa peraturan-peraturan radiokomunikasi yang dibuat di bawah Perlembagaan dan Konvensyen itu; dan jika apa-apa pindaan kepada Perlembagaan dan Konvensyen itu mula berkuat kuasa berkenaan dengan Malaysia, sebutan dalam penguntukan kelas ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ditafsirkan sebagai sebutan kepada Perlembagaan dan Konvensyen seperti yang dipinda itu.

(2) Mana-mana istilah yang digunakan dalam penguntukan kelas ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai makna yang sama dengan makna yang terkandung dalam Akta atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta.

Tiada Perlindungan

3. Peranti-peranti di bawah penguntukan kelas ini tidak boleh diberi perlindungan daripada sebarang gangguan.

Syarat-Syarat

4. (1) Syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada semua penguntukan kelas yang memberikan hak kepada mana-mana orang yang menggunakan jalur-jalur frekuensi bagi peranti-peranti yang dinyatakan dalam setiap jadual dalam penguntukan kelas ini:

- (a) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan bahawa tiada gangguan besar atau gangguan yang memudaratkan berlaku;
- (b) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah mengambil semua langkah yang perlu bagi menghapuskan apa-apa gangguan kecil, gangguan besar atau gangguan mudarat, sekiranya gangguan tersebut berlaku;
- (c) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah memastikan bahawa peranti-peranti yang menyebabkan gangguan besar atau gangguan yang memudaratkan diberhentikan operasinya sehingga suatu masa di mana gangguan besar atau gangguan yang memudaratkan itu dihapuskan;
- (d) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah memastikan bahawa tiada peranti yang digunakan atau dikendalikan dalam jalur frekuensi melebihi kuasa keluaran yang dinyatakan, parameter pancaran atau kawasan liputan sebagaimana yang diluluskan bagi penguntukan kelas itu tanpa kelulusan bertulis Suruhanjaya terlebih dahulu ;
- (e) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah memastikan bahawa peranti-peranti, pengendalian dan penyusunannya mematuhi keperluan, spesifikasi, standard, pelan serta prosedur yang diputuskan oleh Suruhanjaya;
- (f) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah mematuhi Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa dan Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut;
- (g) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah memastikan bahawa peranti-peranti itu mematuhi Akta dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta dan apa-apa standard mandatori yang didaftarkan oleh Suruhanjaya; dan

(h) seseorang yang tertakluk kepada suatu penguntukan kelas hendaklah memastikan hanya peranti-peranti yang diperakui oleh Suruhanjaya atau agensi pemerakuan berdaftaranya di bawah Akta boleh digunakan atau dikendalikan dalam jalur frekuensi yang dinyatakan dalam penguntukan kelas ini, dan peranti-peranti yang diperakui hendaklah menunjukkan label pemerakuan sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(2) Walau apa pun sub-perenggan (1)(h), peranti-peranti di bawah Jadual Kedua puluh satu sehingga Jadual Kedua puluh lima tidak perlu diperakui melainkan Suruhanjaya mengeluarkan standard-standard atau kod-kod teknikal.

(3) Syarat-syarat dalam sub-perenggan (1) adalah tertakluk kepada penyemakan, pindaan atau pembatalan oleh Suruhanjaya.

Pemerakuan Peranti

5. (1) Semua peranti yang diperlukan untuk diperakui di bawah penguntukan kelas hendaklah diperakui oleh Suruhanjaya atau oleh agensi pemerakuan berdaftaranya menurut Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknikal) 2000.

(2) Peranti-peranti tersebut hendaklah diperakui dengan cara:

- (a) Kelulusan Pematuhan; atau
- (b) Kelulusan Khas.

(3) Kelulusan pematuhan, yang juga dirujuk sebagai kelulusan jenis, diberi kepada model spesifik sesuatu peranti yang telah diperakui sebagai mematuhi standard-standard atau kod-kod teknikal yang telah dinyatakan.

(4) Kelulusan khas boleh diberi kepada mana-mana peranti yang akan digunakan secara eksklusif oleh pemohon untuk mana-mana tujuan berikut sahaja:

- (a) untuk satu-satunya tujuan pemohon;
- (b) untuk percubaan;
- (c) untuk tinjauan pasaran, demonstrasi atau pameran;
- (d) penyelidikan dan pembangunan; atau

(e) latihan.

(5) Mana-mana peranti yang diberi kelulusan khas boleh digunakan dalam lingkungan parameter yang ditetapkan, yang mungkin termasuk lokasi, spesifikasi teknikal, tempoh masa, jenis atau kelas pengguna atau lain-lain syarat penggunaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kelulusan.

(6) Senarai standard yang menyatakan keperluan-keperluan teknikal bagi pemerakuan peranti boleh diperolehi di laman web Suruhanjaya di <http://www.skmm.gov.my/registers/registers.asp>.

(7) Pemerakuan peranti dijalankan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS Intl.) sebagai agensi pemerakuan berdaftar bagi semua peralatan komunikasi.

JADUAL PERTAMA

Penguntukan Kelas bagi Peranti Capaian Bergerak Bersel

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian bergerak bersel” ertinya suatu peranti yang berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan radio bersel yang disediakan oleh pemegang lesen dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian bergerak bersel hendaklah hanya menggunakan spektrum yang sama yang diuntukkan dengan cara penguntukan spektrum atau penguntukan radas bagi tujuan menerima dan menghantar dalam lingkungan spektrum tersebut dan penggunaan spektrum tersebut, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan Kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan peranti capaian bergerak bersel untuk berkomunikasi hanya dengan suatu stesen pangkalan radio bersel tertakluk kepada pengendalian stesen pangkalan radio bersel dibenarkan oleh penguntukan spektrum atau penguntukan radas.

JADUAL KEDUA

Penguntukan Kelas bagi Peranti Radiokomunikasi Jarak Dekat

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti radiokomunikasi jarak dekat” ertinya suatu peranti radiokomunikasi yang menyediakan sama ada komunikasi satu hala atau dwi hala merentasi jarak dekat bagi aplikasi-aplikasi bergerak dan tetap dalam jalur frekuensi yang telah ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti radiokomunikasi jarak dekat hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual A yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan Kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti radiokomunikasi jarak dekat tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Maksimum

Kuasa maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual A.

JADUAL A

Jalur-Jalur Frekuensi dan Kuasa Maksimum

| <i>Item</i> | <i>Jalur-Jalur Frekuensi</i> | <i>Kuasa Maksimum</i> |
|-------------|----------------------------------|-----------------------|
| 1. | 3155.0000 kHz ke 3400.0000 kHz | 13.5 dbuA/m pada 10m |
| 2. | 6765.0000 kHz ke 6795.0000 kHz | 100 milliWatts EIRP |
| 3. | 10200.0000 kHz ke 11000.0000 kHz | 10 milliWatts EIRP |
| 4. | 13553.0000 kHz ke 13567.0000 kHz | 100 milliWatts EIRP |
| 5. | 26.9570 MHz ke 27.2830 MHz | 100 milliWatts EIRP |
| 6. | 40.6600 MHz ke 40.7000 MHz | 100 milliWatts EIRP |
| 7. | 87.5000 MHz ke 108.0000 MHz | 50 nanoWatts ERP |
| 8. | 433.0000 MHz ke 435.0000 MHz | 100 milliWatts EIRP |
| 9. | 869.0000 MHz ke 870.0000 MHz | 500 milliWatts EIRP |
| 10. | 2400.0000 MHz ke 2500.0000 MHz | 500 milliWatts EIRP |
| 11. | 5150.0000 MHz ke 5350.0000 MHz | 1 Watt EIRP |
| 12. | 5725.0000 MHz ke 5875.0000 MHz | 1 Watt EIRP |
| 13. | 24.0000 GHz ke 24.2500 GHz | 1 Watt EIRP |
| 14. | 57.0000 GHz ke 64.0000 GHz | 10 Watt EIRP |
| 15. | 122.0000 GHz ke 123.0000 GHz | 1 Watt EIRP |
| 16. | 244.0000 GHz ke 246.0000 GHz | 1 Watt EIRP |

JADUAL KETIGA

Penguntukan Kelas bagi Peranti Capaian Radio Saluran Pajak

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian radio saluran pajak” ertinya suatu peranti yang berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan radio saluran pajakan yang disediakan oleh pemegang lesen yang menyambungkan suatu saluran frekuensi radio tunggal kepada seseorang atau suatu kumpulan orang dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian radio saluran pajak hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 138.0000 MHz ke 139.4000 MHz / 142.6000 MHz ke 144.0000 MHz;
- (b) 443.0125 MHz ke 443.9875 MHz / 448.0125 MHz ke 448.9875 MHz;

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian radio saluran pajak untuk berkomunikasi hanya dengan suatu stesen pangkalan radio saluran pajak tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (b) peranti yang beroperasi dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2; dan
- (c) pengendalian suatu stesen pangkalan saluran pajak dibenarkan oleh penguntukan radas.

4. Syarat-syarat

Kuasa maksimum

Kuasa maksimum hendaklah tidak melebihi 5 Watt.

JADUAL KEEMPAT

**Penguntukan Kelas bagi
Peranti Capaian Radio Sesalur**

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian radio sesalur” ertinya suatu peranti yang berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan radio sesalur yang disediakan oleh pemegang lesen yang dalamnya trafik komunikasi boleh lalu menerusi mana-mana saluran yang diuntukkan secara automatik oleh sistem radio sesalur daripada suatu saluran kumpulan sesalur yang disediakan oleh suatu stesen pangkalan radio sesalur dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian radio sesalur hendaklah hanya menggunakan spektrum yang sama yang diuntukkan dengan cara penguntukan radas bagi tujuan menerima dan menghantar dalam spektrum tersebut dan penggunaan spektrum tersebut, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian radio sesalur untuk berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan radio sesalur tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) pengendalian stesen pangkalan radio sesalur dibenarkan oleh penguntukan radas.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi 25 Watt.

JADUAL KELIMA

**Penguntukan Kelas bagi
Peranti Perkhidmatan Radio Peribadi**

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti perkhidmatan radio peribadi” ertinya suatu peranti radiokomunikasi dua hala yang beroperasi dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti perkhidmatan radio peribadi hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan untuk penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 26.965000 MHz ke 27.405000 MHz;
- (b) 446.006250 MHz ke 446.093750 MHz;
- (c) 446.103125 MHz ke 446.196875 MHz;
- (d) 477.012500 MHz ke 477.487500 MHz; atau
- (e) 477.525000 MHz ke 477.987500 MHz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti perkhidmatan radio peribadi tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual B, C, D, E dan F.

4. Syarat-syarat

(1) *Pelan saluran*

Pelan saluran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual B, C, D, E dan F hendaklah dipatuhi.

(2) *Jenis modulasi dan jarak saluran*

- (a) Jenis modulasi hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual B, C, D, E dan F; dan
- (b) Jarak saluran hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam–
 - (i) sub-ruang pertama dan kedua dalam ruang kelima Jadual B; dan
 - (ii) ruang kelima Jadual C, D, E dan F.

(3) *Saluran-saluran yang dikhaskan*

Saluran-saluran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang keenam Jadual B, E dan F hendaklah dikhaskan untuk kegunaan kecemasan dan panggilan.

(4) *Peranti enkripsi*

Tiada peranti enkripsi boleh digunakan ke atas mana-mana saluran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual B, C, D, E dan F.

(5) *Tempoh penghantaran maksimum*

- (a) Penghantaran bagi suara hendaklah tidak melebihi jangka masa 180 saat untuk setiap penghantaran.
- (b) Penghantaran, selain daripada suara, hendaklah tidak melebihi jangka masa 3 saat untuk setiap penghantaran.

- (6) *Isyarat Panggilan*
- Tiada isyarat panggilan boleh digunakan kecuali dalam operasi lapangan di mana isyarat panggilan seumpamanya diperlukan.
- (7) *Perantara telefoni*
- Tiada sambungan peranti perkhidmatan radio peribadi kepada perkhidmatan telefoni dibenarkan.
- (8) *Larangan-larangan operasi*
- Tiada orang boleh mengendalikan suatu peranti perkhidmatan radio peribadi–
- (a) dalam satu cara yang boleh menyebabkan kebimbangan yang keterlaluan atau penghinaan kepada seseorang; atau
 - (b) untuk mengganggu atau memburuk-burukkan seseorang.
- (9) *Menyita*
- Suatu peranti perkhidmatan radio peribadi boleh disita untuk membantu dalam kes–
- (a) kecemasan;
 - (b) kepentingan awam; atau
 - (c) bahaya kepada orang atau harta.
- (10) *Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)*
- EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam–
- (a) sub-ruang pertama dan kedua bagi ruang keempat Jadual B; dan
 - (b) ruang keempat Jadual C, D, E dan F.

JADUAL B

Jalur Rakyat 27MHz – Frekuensi-frekuensi PRS

(Perkhidmatan radiokomunikasi simpleks jarak sederhana bagi kegunaan komersial dan rekreasi)

| Saluran | Frekuensi (MHz) | Jenis Modulasi | Kuasa puncak (Watt) (ERP Maksimum) | | Jarak Saluran (kHz) | | Saluran yang dikhaskan |
|---------|-----------------|----------------|------------------------------------|----------------------|------------------------|----------------------|------------------------|
| | | | Jalur Dua Belah: AM/FM | Jalur Satu Belah: AM | Jalur Dua Belah: AM/FM | Jalur Satu Belah: AM | |
| 1 | 26.9650 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 2 | 26.9750 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 3 | 26.9850 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 4 | 27.0050 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 5 | 27.0150 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 6 | 27.0250 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 7 | 27.0350 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 8 | 27.0550 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 9 | 27.0650 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | Kecemasan |
| 10 | 27.0750 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 11 | 27.0850 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | Panggilan |
| 12 | 27.1050 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 13 | 27.1150 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 14 | 27.1250 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 15 | 27.1350 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 16 | 27.1550 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 17 | 27.1650 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 18 | 27.1750 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 19 | 27.1850 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 20 | 27.2050 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 21 | 27.2150 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 22 | 27.2250 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 23 | 27.2350 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |

| | | | | | | | |
|----|---------|---------|---|----|---|---|--|
| 24 | 27.2450 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 25 | 27.2550 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 26 | 27.2650 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 27 | 27.2750 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 28 | 27.2850 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 29 | 27.2950 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 30 | 27.3050 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 31 | 27.3150 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 32 | 27.3250 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 33 | 27.3350 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 34 | 27.3450 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 35 | 27.3550 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 36 | 27.3650 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 37 | 27.3750 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 38 | 27.3850 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 39 | 27.3950 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |
| 40 | 27.4050 | AM / FM | 4 | 12 | 6 | 3 | |

JADUAL C

Radio Bergerak Peribadi Analog 446 MHz (PMR 446 Analog)

(Perkhidmatan radiokomunikasi simpleks jarak dekat bagi kegunaan komersial dan rekreasi)

| <i>Saluran</i> | <i>Frekuensi (MHz)</i> | <i>Jenis Modulasi</i> | <i>Kuasa puncak (Watt) (ERP Maksimum)</i> | <i>Jarak Saluran (kHz)</i> |
|----------------|----------------------------|---------------------------|-------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1 | 446.00625 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 2 | 446.01875 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 3 | 446.03125 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 4 | 446.04375 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 5 | 446.05625 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 6 | 446.06875 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 7 | 446.08125 | FM | 0.5 | 12.5 |
| 8 | 446.09375 | FM | 0.5 | 12.5 |

JADUAL D

Radio Bergerak Peribadi Digital 446 MHz (PMR 446 Digital)

(Perkhidmatan radiokomunikasi simpleks jarak dekat bagi kegunaan komersial dan rekreasi)

| <i>Saluran</i> | <i>Frekuensi (MHz)</i> | <i>Jenis Modulasi</i> | <i>Kuasa puncak (Watt) (ERP Maksimum)</i> | <i>Jarak Saluran (kHz)</i> |
|----------------|----------------------------|---------------------------|-------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1 | 446.103125 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 2 | 446.109375 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 3 | 446.115625 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 4 | 446.121875 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 5 | 446.128125 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 6 | 446.134375 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 7 | 446.140625 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 8 | 446.146875 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 9 | 446.153125 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 10 | 446.159375 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 11 | 446.165625 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 12 | 446.171875 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 13 | 446.178125 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 14 | 446.184375 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 15 | 446.190625 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |
| 16 | 446.196875 | 4FSK | 0.5 | 6.25 |

JADUAL E

Jalur Rakyat 477MHz – Frekuensi-frekuensi PRS

(Perkhidmatan radiokomunikasi simpleks jarak dekat bagi kegunaan komersial dan rekreasi)

| <i>Saluran</i> | <i>Frekuensi (MHz)</i> | <i>Jenis Modulasi</i> | <i>Kuasa puncak (Watts) (ERP Maksimum)</i> | <i>Jarak Saluran (kHz)</i> | <i>Saluran yang dikhaskan</i> |
|----------------|----------------------------|---------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------|---------------------------------------|
| 1 | 477.0125 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 2 | 477.0250 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 3 | 477.0375 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 4 | 477.0500 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 5 | 477.0625 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 6 | 477.0750 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 7 | 477.0875 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 8 | 477.1000 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 9 | 477.1125 | FM / PM | 5 | 12.5 | Kecemasan |
| 10 | 477.1250 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 11 | 477.1375 | FM / PM | 5 | 12.5 | Panggilan |
| 12 | 477.1500 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 13 | 477.1625 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 14 | 477.1750 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 15 | 477.1875 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 16 | 477.2000 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 17 | 477.2125 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 18 | 477.2250 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 19 | 477.2375 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 20 | 477.2500 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 21 | 477.2625 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 22 | 477.2750 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 23 | 477.2875 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 24 | 477.3000 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 25 | 477.3125 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 26 | 477.3250 | FM / PM | 5 | 12.5 | |

| | | | | | |
|----|----------|---------|---|------|--|
| 27 | 477.3375 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 28 | 477.3500 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 29 | 477.3625 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 30 | 477.3750 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 31 | 477.3875 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 32 | 477.4000 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 33 | 477.4125 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 34 | 477.4250 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 35 | 477.4375 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 36 | 477.4500 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 37 | 477.4625 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 38 | 477.4750 | FM / PM | 5 | 12.5 | |
| 39 | 477.4875 | FM / PM | 5 | 12.5 | |

JADUAL F

477MHz Jalur Keluarga – Frekuensi-frekuensi PRS

(Perkhidmatan radiokomunikasi simpleks jarak sangat dekat bagi kegunaan rekreasi)

| <i>Saluran</i> | <i>Frekuensi (MHz)</i> | <i>Jenis Modulasi</i> | <i>Kuasa puncak (Watt) (EIRP Maksimum)</i> | <i>Jarak Saluran (kHz)</i> | <i>Saluran yang dikhaskan</i> |
|----------------|------------------------|-----------------------|--------------------------------------------|----------------------------|-------------------------------|
| 1 | 477.5250 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 2 | 477.5375 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 3 | 477.5500 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 4 | 477.5625 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 5 | 477.5750 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 6 | 477.5875 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 7 | 477.6000 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 8 | 477.6125 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 9 | 477.6250 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | Kecemasan |
| 10 | 477.6375 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 11 | 477.6500 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | Panggilan |
| 12 | 477.6625 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |

| | | | | | |
|----|----------|---------|-----|------|--|
| 13 | 477.6750 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 14 | 477.6875 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 15 | 477.7000 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 16 | 477.7125 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 17 | 477.7250 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 18 | 477.7375 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 19 | 477.7500 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 20 | 477.7625 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 21 | 477.7750 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 22 | 477.7875 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 23 | 477.8000 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 24 | 477.8125 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 25 | 477.8250 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 26 | 477.8375 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 27 | 477.8500 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 28 | 477.8625 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 29 | 477.8750 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 30 | 477.8875 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 31 | 477.9000 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 32 | 477.9125 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 33 | 477.9250 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 34 | 477.9375 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 35 | 477.9500 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 36 | 477.9625 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 37 | 477.9750 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |
| 38 | 477.9875 | FM / PM | 0.5 | 12.5 | |

JADUAL KEENAM

Penguntukan Kelas bagi Peranti Telefon Tanpa Kord

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti telefon tanpa kord” ertinya suatu peranti bergerak atau mudah alih berkuasa rendah dua-hala yang berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan setempat dalam jalur

frekuensi yang ditetapkan dan yang disambung terus kepada pemegang lesen.

- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti telefon tanpa kord hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual G yang diuntukkan untuk penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti telefon tanpa kord tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
(b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual G.

JADUAL G

Jalur-Jalur Frekuensi dan EIRP Maksimum

| Item | Jalur Frekuensi | EIRP Maksimum |
|------|--------------------------------|---------------|
| 1. | 46.6100 MHz ke 46.9700 MHz | 50 milliWatt |
| 2. | 49.6100 MHz ke 49.9700 MHz | 50 milliWatt |
| 3. | 1880.0000 MHz ke 1900.0000 MHz | 250 milliWatt |
| 4. | 2400.0000 MHz ke 2483.5000 MHz | 100 milliWatt |

JADUAL KETUJUH

Penguntukan Kelas bagi Peranti Capaian Kelui Radio Dua-Hala

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian kelui radio dua-hala” ertinya suatu peranti radiokomunikasi dua-hala yang berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan kelui yang disediakan oleh pemegang lesen bagi menerima atau menghantar nada, suara, pesanan berangka atau alfanumerik dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian kelui radio dua-hala hendaklah hanya menggunakan jalur frekuensi berikut untuk penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

279.0000 MHz ke 281.0000 MHz/919.0000 MHz ke 923.0000 MHz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian kelui radio dua-hala untuk berkomunikasi hanya dengan suatu stesen pangkalan kelui tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2; dan
- (c) pengendalian stesen pangkalan kelui dibenarkan oleh penguntukan radas.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi 1 Watt.

JADUAL KELAPAN

**Penguntukan Kelas bagi
Peranti Capaian Wayarles**

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian wayarles” ertinya suatu peranti radiokomunikasi dua-hala tetap atau bergerak yang berkomunikasi dengan suatu stesen tetap yang disediakan oleh pemegang lesen dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian wayarles hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 410.0000 MHz ke 420.0000 MHz / 420.0000MHz ke 430.0000 MHz;
- (b) 821.0000 MHz ke 824.0000 MHz / 866.0000 MHz ke 869.0000 MHz;
- (c) 831.3100 MHz ke 834.3300 MHz / 876.3100 MHz ke 879.3300 MHz;
- (d) 1790.0000 MHz ke 1800.0000 MHz;
- (e) 1900.0000 MHz ke 1915.0000 MHz;
- (f) 2300.0000 MHz ke 2400.0000 MHz
- (g) 2500.0000 MHz ke 2690.0000 MHz;
- (h) 3.4000 GHz ke 3.7000 GHz;

- (i) 10.0000 GHz ke 10.7000 GHz;
- (j) 24.2500 GHz ke 27.0000 GHz;
- (k) 27.0000 GHz ke 29.5000 GHz;
- (l) 31.0000 GHz ke 31.3000 GHz.;
- (m) 47.2000 GHz ke 47.5000 GHz; atau
- (n) 47.9000 GHz ke 48.2000 GHz

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian wayarles untuk berkomunikasi hanya dengan suatu stesen tetap tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2; dan
- (c) pengendalian stesen tetap atau stesen pangkalan dibenarkan oleh penguntukan radas.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual H.

JADUAL H

Jalur-Jalur Frekuensi dan EIRP Maksimum

| Item | Jalur Frekuensi | EIRP Maksimum |
|------|-----------------------------------------------------------------|---------------|
| 1. | 410.0000 MHz ke 420.0000 MHz / 420.0000 MHz ke 430.0000 MHz | 5 Watt |
| 2. | 821.0000 MHz ke 824.0000 MHz / 866.0000 MHz ke 869.0000 MHz; | 5 Watt |

| | | |
|-----|-----------------------------------------------------------------|---------|
| 3. | 831.3100 MHz ke 834.3300 MHz / 876.3100 MHz ke 879.3300 MHz; | 5 Watt |
| 4. | 1790.0000 MHz ke 1800.0000 MHz; | 5 Watt |
| 5. | 1900.0000 MHz ke 1915.0000 MHz; | 5 Watt |
| 6. | 2300.0000 MHz ke 2400.0000 MHz | 10 Watt |
| 7. | 2500.0000 MHz ke 2690.0000 MHz; | 5 Watt |
| 8. | 3.4000 GHz ke 3.7000 GHz; | 5 Watt |
| 9. | 10.0000 GHz ke 10.7000 GHz; | 5 Watt |
| 10. | 24.2500 GHz ke 27.0000 GHz; | 5 Watt |
| 11. | 27.0000 GHz ke 29.5000 GHz; | 5 Watt |
| 12. | 31.0000 GHz ke 31.3000 GHz.; | 5 Watt |
| 13. | 47.2000 GHz ke 47.5000 GHz | 5 Watt |
| 14. | 47.9000 GHz ke 48.2000 | 5 Watt |

JADUAL KESEMBILAN

Penguntukan Kelas bagi Peranti Capaian Telemetri Radio

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian telemetri radio” ertinya suatu peranti radiokomunikasi satu-hala atau dua-hala yang berkomunikasi dengan suatu stesen tetap yang disediakan oleh pemegang lesen bagi pelaporan ukuran atau rekod secara automatik atau dengan permintaan menerusi sambungan radio yang disediakan oleh suatu stesen tetap dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian telemetri radio hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual I yang

diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian telemetri radio untuk berkomunikasi dengan suatu stesen tetap tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2; dan
- (c) pengendalian stesen tetap tersebut dibenarkan oleh penguntukan radas.

4. Syarat-syarat

- (1) *Kuasa Radiasi Isotropik Efektif*
(EIRP atau *Effective Isotropic Radiated Power*)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual I.

- (2) *Larangan operasi*

Seseorang tidak boleh mengendalikan suatu peranti capaian telemetri radio bertentangan dengan Akta, atau dengan cara yang membahayakan orang lain, binatang atau peralatan.

JADUAL I

Jalur-Jalur Frekuensi dan EIRP Maksimum

| Item | Jalur Frekuensi | EIRP Maksimum |
|------|------------------------------|---------------|
| 1. | 162.9750 MHz ke 163.1500 MHz | 1 Watt |
| 2. | 450.0125 MHz ke 451.9750 MHz | 5 Watts |
| 3. | 460.0125 MHz ke 461.9750 MHz | 5 Watts |

JADUAL KESEPULUH

Penguntukan Kelas bagi Terminal Apertur Sangat Kecil

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “terminal apertur sangat kecil (VSAT)” ertinya suatu stesen bumi yang berkomunikasi dengan suatu stesen angkasa lepas yang disediakan oleh pemegang lesen dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu VSAT hendaklah hanya menggunakan jalur-jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 3400.0000 MHz ke 4200.0000 MHz (paut turun) / 5925.0000 ke 6725.0000 MHz (paut naik);
- (b) 11464.0000 MHz ke 11700.0000 MHz (paut turun) / 14253.5000 MHz ke 14489.5000 MHz (paut naik); atau
- (c) 12258.5000 MHz ke 12494.5000 MHz (paut turun) / 13789.0000 MHz ke 14243.0000 MHz (paut naik).

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan sesuatu VSAT tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (b) Suatu VSAT tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2; dan

- (c) Suatu VSAT tersebut disambungkan kepada suatu perkhidmatan rangkaian menerusi stesen angkasa yang dinamakan Malaysia East Asia Satellite (MEASAT) pada 91.5° Timur.
- (d) samada-
- (i) Suatu VSAT tersebut digunakan oleh pengguna akhir bagi berhubung dengan pemberi perkhidmatan rangkaian berlesen untuk kegunaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian atau aplikasi berlesen yang lain;
 - (ii) Suatu VSAT tersebut dihubungkan dengan pemberi perkhidmatan rangkaian berlesen untuk kegunaan sebagai kemudahan rangkaian persendirian; atau
 - (iii) Suatu VSAT tersebut digunakan bagi berhubung dengan pemberi pemberi perkhidmatan rangkaian berlesen untuk aplikasi-aplikasi telemetri.

4. Syarat-syarat

(1) *Diameter antena VSAT maksimum*

Diameter maksimum bagi suatu VSAT adalah kurang daripada 2.4 meter.

(2) *Kadar/kelajuan data*

Kadar/kelajuan data maksimum bagi suatu VSAT hendaklah tidak melebihi nilai-nilai seperti yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual J.

JADUAL J

Jalur-Jalur Frekuensi dan Kadar/Kelajuan Data Maksimum

| <i>Item</i> | <i>Jalur frekuensi</i> | <i>Kadar/kelajuan data</i> |
|-------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|
| 1. | 3400.0000 MHz ke 4200.0000 MHz (paut turun) / 5925.0000 ke 6725.0000 MHz (paut naik); | Tidak melebihi 2 Mega bit per saat |
| 2. | 11464.0000 MHz ke 11700.0000 MHz (paut turun) / 14253.5000 MHz ke 14489.5000 MHz (paut naik) | Tidak melebihi 10 Mega bit per saat |
| 3. | 12258.5000 MHz ke 12494.5000 MHz (paut turun) / 13789.0000 MHz ke 14243.0000 MHz (paut naik). | Tidak melebihi 10 Mega bit per saat |

(3) *Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)*

Tahap maksimum bagi densiti EIRP “off-axis angle” dari suatu VSAT hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual K.

JADUAL K

EIRP Maksimum

| Operasi 5.9250 – 6.7250 GHz | |
|-------------------------------------------|---------------------------------------|
| <u>”Off-axis angle”</u> | <u>EIRP maksimum setiap 4 kHz</u> |
| $2.5^{\circ} \leq \varphi \leq 7^{\circ}$ | $(32 - 25 \log \varphi)$ dB (W/4kHz) |
| $7^{\circ} < \varphi \leq 9.2^{\circ}$ | 11 dB (W/4 kHz) |
| $9.2^{\circ} < \varphi \leq 48^{\circ}$ | $(35 - 25 \log \varphi)$ dB (W/4 kHz) |
| $48^{\circ} < \varphi \leq 180^{\circ}$ | -7 dB (W/4 kHz) |
| Operasi 13.7890 – 14.2430 GHz | |
| <u>”Off-axis angle”</u> | <u>EIRP maksimum setiap 1 MHz</u> |
| $2^{\circ} \leq \varphi \leq 7^{\circ}$ | $(43 - 25 \log \varphi)$ dB (W/MHz) |
| $7^{\circ} < \varphi \leq 9.2^{\circ}$ | 22 dB (W/MHz) |
| $9.2^{\circ} < \varphi \leq 48^{\circ}$ | $(46 - 25 \log \varphi)$ dB (W/MHz) |
| $\varphi > 48^{\circ}$ | +4 dB (W/MHz) |
| Operasi 14.2535 – 14.4895 GHz | |
| <u>”Off-axis angle”</u> | <u>EIRP maksimum setiap 40 kHz</u> |
| $3^{\circ} \leq \varphi \leq 7^{\circ}$ | $(42 - 25 \log \varphi)$ dB (W/40kHz) |
| $7^{\circ} < \varphi \leq 9.2^{\circ}$ | 21 dB (W/40kHz) |
| $9.2^{\circ} < \varphi \leq 48^{\circ}$ | $(45 - 25 \log \varphi)$ dB (W/40kHz) |
| $48^{\circ} < \varphi \leq 180^{\circ}$ | +3 dB (W/40kHz) |

JADUAL KESEBELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Infra Merah

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti infra merah” ertinya suatu peranti radiokomunikasi yang dikendalikan dalam julat frekuensi elektromagnetik dari 187.5000 THz ke 420.0000 THz.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti infra merah hendaklah hanya menggunakan jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

187.5000 THz ke 420.0000 THz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan peranti infra merah tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

- (1) *Kuasa maksimum*

Kuasa maksimum hendaklah tidak melebihi 125 milliWatts.

(2) *Larangan pengendalian*

Seseorang hendaklah tidak mengendalikan suatu peranti infra merah bertentangan dengan Akta, atau dengan cara yang membahayakan orang lain, binatang atau peralatan.

JADUAL KEDUA BELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Kawalan Jauh

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti kawalan jauh” ertinya suatu peranti yang sering digunakan untuk mengawal dari jarak jauh, dengan kaedah emisi radio kuasa rendah, peranti-peranti pengguna termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pintu kawalan jauh, penyaman udara, pintu pagar, kunci, peralatan video, kamera dan mainan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti kawalan jauh hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 26.9650 MHz ke 27.2750 MHz;
- (b) 40.0000 MHz;
- (c) 47.0000 MHz;
- (d) 49.0000 MHz;
- (e) 303.0000 MHz ke 320.0000 MHz; atau
- (f) 433.0000 MHz ke 435.0000 MHz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti kawalan jauh tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut beroperasi dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi 50 milliWatts.

JADUAL KETIGA BELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Keselamatan

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti keselamatan” ertinya suatu peranti radio kuasa rendah khususnya digunakan untuk aplikasi-aplikasi keselamatan pengguna dan digunakan untuk mengawal dari jarak jauh, menyoal siasat dan memuat turun maklumat, atau mengesan objek.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti keselamatan hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 3.0000 kHz ke 195.0000 kHz;
- (b) 228.0063 MHz ke 228.9937 MHz;
- (c) 303.0000 MHz ke 320.0000 MHz;

- (d) 400.0000 MHz ke 402.0000 MHz;
- (e) 433.0000 MHz ke 435.0000 MHz;
- (f) 868.1000 MHz;
- (g) 869.0000 MHz ke 870.0000 MHz; atau
- (h) 76.0000 GHz ke 77.0000 GHz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan peranti keselamatan tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual L.

JADUAL L

Jalur-Jalur Frekuensi dan EIRP Maksimum

| <i>Item</i> | <i>Jalur frekuensi</i> | <i>EIRP maksimum</i> |
|-------------|------------------------------------|----------------------|
| 1. | 3.0000 kHz ke 195.0000 kHz | 50 milliWatts |
| 2. | 228.0063 MHz ke 228.9937 MHz; | 50 milliWatts |
| 3. | 303.0000 MHz ke 320.0000 MHz; | 50 milliWatts |
| 4. | 400.0000 MHz ke 402.0000 MHz; | 50 milliWatts |
| 5. | 433.0000 MHz ke 435.0000 MHz; | 50 milliWatts |
| 6. | 868.1000 MHz; | 50 milliWatts |
| 7. | 869.0000 MHz ke 870.0000 MHz; atau | 500 milliWatts |
| 8. | 76.0000 GHz ke 77.0000 GHz. | 50 milliWatts |

JADUAL KEEMPAT BELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Mikrofon Wayarles

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti mikrofon wayarles” ertinya suatu peranti kuasa rendah bagi menghantar audio atau suara merentasi jarak dekat ke suatu penerima jarak jauh untuk dikuatkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti mikrofon wayarles hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 26.95728 MHz ke 27.28272 MHz;
- (b) 40.4350 MHz ke 40.9250 MHz;
- (c) 87.5000 MHz ke 108.0000 MHz;
- (d) 182.0250 MHz ke 182.9750 MHz;
- (e) 183.0250 MHz ke 183.4750 MHz;
- (f) 217.0250 MHz ke 217.9750 MHz;
- (g) 218.0250 MHz ke 218.4750 MHz; atau
- (h) 510.0000 MHz ke 798.0000 MHz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti mikrofon wayarles tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan

- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi 50 milliWatts.

JADUAL KELIMA BELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Optik Ruang Bebas

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti optik ruang bebas (FSO)” ertinya suatu peranti yang menggunakan teknologi optikal garis pandangan untuk menyediakan sambungan komunikasi titik ke titik.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti FSO hendaklah hanya menggunakan mana-mana frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 193.5484 THz (jarak gelombang 1550nm); atau
- (b) 352.9412 THz (jarak gelombang of 850nm).

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti FSO tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan

- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

- (1) Kuasa maksimum

Kuasa maksimum hendaklah tidak melebihi 650 milliWatts.

- (2) Larangan pengendalian

Seseorang hendaklah tidak mengendalikan suatu peranti FSO bertentangan dengan Akta, atau dengan cara yang membahayakan orang lain, binatang atau peralatan.

JADUAL KEENAM BELAS

**Penguntukan Kelas bagi
Peranti Perindustrian, Sainifik dan Perubatan**

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti perindustrian, saintifik dan perubatan (ISM)” ertinya suatu peranti radio kuasa rendah, yang digunakan untuk tujuan perindustrian, saintifik, perubatan, domestic atau tujuan-tujuan seumpamanya.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti ISM hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 6765.0000 kHz ke 6795.0000 kHz;
- (b) 13.5530 MHz ke 13.5670 MHz;

- (c) 26.9570 MHz ke 27.2830 MHz;
- (d) 40.6600 MHz ke 40.7000 MHz;
- (e) 2400.0000 MHz ke 2500.0000 MHz;
- (f) 5725.0000 MHz ke 5875.0000 MHz;
- (g) 24.0000 GHz ke 24.2500 GHz;
- (h) 61.0000 GHz ke 61.5000 GHz;
- (i) 122.0000 GHz ke 123.0000 GHz; atau
- (j) 244.0000 GHz ke 246.0000 GHz.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti ISM tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur-jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

- (1) *Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)*

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi 500 milliWatt.

- (2) *Larangan pengendalian*

Seseorang hendaklah tidak mengendalikan suatu peranti ISM bertentangan dengan Akta, atau dengan cara yang membahayakan orang lain, binatang atau peralatan.

JADUAL KETUJUH BELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Identifikasi Frekuensi Radio

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti identifikasi frekuensi radio (RFID)” ertinya suatu peranti radiokomunikasi dua-hala yang digunakan untuk mengenal pasti secara automatik mana-mana objek, binatang atau orang dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti RFID hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual M yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti RFID tertakluk kepada—

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Maksimum

Kuasa maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual M.

JADUAL M
Jalur-Jalur Frekuensi dan Kuasa Maksimum

| <i>Item</i> | <i>Jalur Frekuensi</i> | <i>Kuasa Maksimum</i> |
|-------------|--------------------------------|-----------------------|
| 1. | 13.5530 MHz ke 13.5670 MHz | 100 milliWatts EIRP |
| 2. | 433.0000 MHz ke 435.0000 MHz | 100 milliWatts EIRP |
| 3. | 869.0000 MHz ke 870.0000 MHz | 500 milliWatts EIRP |
| 4. | 919.0000 MHz ke 923.0000 MHz | 2 Watts ERP |
| 5. | 2400.0000 MHz ke 2500.0000 MHz | 500 milliWatts EIRP |

JADUAL KELAPAN BELAS

Penguntukan Kelas bagi Implan Perubatan Aktif

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “implan perubatan aktif” ertinya suatu peranti yang diimplan dalam badan yang berkomunikasi dengan suatu pengawal dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu implan perubatan aktif hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual N yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu implan perubatan aktif tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

\

4. Syarat-syarat

Kuasa Maksimum

Kuasa maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual N.

JADUAL N

Jalur-Jalur Frekuensi dan Kuasa Maksimum

| <i>Item</i> | <i>Jalur Frekuensi</i> | <i>Kuasa Maksimum</i> |
|-------------|------------------------------|------------------------|
| 1. | 9.0000 kHz ke 315.0000 kHz | 30 dB microA/m at 10 m |
| 2. | 402.0000 MHz ke 405.0000 MHz | 25 microWatt ERP |

JADUAL KESEMBILAN BELAS

Penguntukan Kelas bagi Peranti Capaian Telemetri Bergerak Penerbangan

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian telemetri bergerak penerbangan” ertinya suatu peranti yang dipasang di dalam sebuah pesawat dan berkomunikasi di dalam pesawat itu untuk menunjukkan atau merekodkan data menerusi sambungan radio dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.

- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti telemetri bergerak penerbangan hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual O yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian telemetri bergerak penerbangan tertakluk kepada:

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan
- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual O.

JADUAL O

Jalur-Jalur Frekuensi dan Kuasa Maksimum

| <i>Item</i> | <i>Jalur Frekuensi</i> | <i>EIRP Maksimum</i> |
|-------------|--------------------------------|----------------------|
| 1. | 2400.0000 MHz ke 2483.5000 MHz | 100 milliWatt |
| 2. | 5150.0000 MHz ke 5350.0000 MHz | 100 milliWatt |
| 3. | 5470.0000 MHz ke 5725.0000 MHz | 100 milliWatt |
| 4. | 5725.0000 MHz ke 5825.0000 MHz | 100 milliWatt |

JADUAL KEDUA PULUH

Penguntukan Kelas bagi Peranti Capaian Satelit Bergerak

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti capaian satelit bergerak” ertinya suatu peranti radiokomunikasi dua-hala bergerak yang berkomunikasi dengan mana-mana stesen satelit yang disediakan oleh pemegang lesen bagi penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan aplikasi dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti capaian satelit bergerak hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 1518.0000 MHz ke 1559.0000 MHz;
- (b) 1610.0000 MHz ke 1660.5000 MHz;
- (c) 1668.0000 MHz ke 1668.4000 MHz;
- (d) 1980.0000 MHz ke 2010.0000 MHz;
- (d) 2170.0000 MHz ke 2200.0000 MHz;
- (e) 2483.5000 MHz ke 2520.0000 MHz;
- (f) 2670.0000 MHz ke 2690.0000 MHz;

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti capaian satelit bergerak tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4; dan

- (b) peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

4. Syarat-syarat

Kuasa Radiasi Isotropik Efektif atau Effective Isotropic Radiated Power (EIRP)

EIRP maksimum hendaklah tidak melebihi 7 Watts.

JADUAL KEDUA PULUH SATU

Penguntukan Kelas bagi Peranti Penerima Penyiaran Satelit

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti penerima penyiaran satelit” ertinya suatu stesen bumi yang digunakan untuk menerima penghantaran radio atau televisyen yang disediakan oleh pemegang lesen dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti penerima penyiaran satelit hendaklah hanya menggunakan mana-mana jalur frekuensi yang diuntukkan bagi penguntukan kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 10.9500 GHz ke 11.2000 GHz;
- (b) 11.4500 ke 11.7000 GHz; atau
- (c) 12.2000 ke 12.7500 GHz

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti penerima penyiaran satelit tertakluk kepada-

- (a) syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (b) suatu peranti penerima penyiaran satelit tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2;
- (c) suatu peranti penerima penyiaran satelit tersebut dihubungkan kepada suatu perkhidmatan rangkaian disediakan menerusi suatu stesen angkasa lepas yang dinamakan Malaysia East Asia Satellite (MEASAT) pada 91.5° Timur; dan
- (d) peranti tersebut digunakan oleh pengguna akhir untuk menerima perkhidmatan-perkhidmatan aplikasi kandungan daripada pemberi perkhidmatan berlesen.

4. Syarat-syarat

Diameter antena peranti penerima satelit maksimum

Diameter maksimum bagi antena peranti penyiaran satelit hendaklah tidak melebihi 0.6 meter.

JADUAL KEDUA PULUH DUA

Penguntukan Kelas bagi Peranti Penerima Penyiaran Televisyen Terrestrial

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti penerima penyiaran televisyen terrestrial” ertinya suatu penerima yang digunakan untuk menerima penghantaran televisyen daripada suatu stesen pemancar penyiaran yang disediakan oleh pemegang lesen dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.

- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti penerima penyiaran televisyen terestrial hendaklah hanya menggunakan spektrum yang sama yang diuntukkan menerusi penguntukan radas bagi tujuan menerima spektrum dan penggunaan spektrum yang sedemikian, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti penerima penyiaran televisyen terrestrial untuk menerima penghantaran daripada suatu stesen pemancar penyiaran tertakluk kepada pengendalian suatu stesen pemancar penyiaran tersebut dibenarkan oleh penguntukan radas.

JADUAL KEDUA PULUH TIGA

Penguntukan Kelas bagi Peranti Penerima Penyiaran Radio Terestrial

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, “peranti penerima penyiaran radio terestrial” ertinya suatu penerima yang digunakan untuk menerima penghantaran radio daripada suatu stesen pemancar penyiaran yang disediakan oleh pemegang lesen dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti penerima penyiaran radio terestrial hendaklah hanya menggunakan spektrum yang sama yang diuntukkan dengan cara penguntukan radas bagi tujuan menerima spektrum dan penggunaan spektrum yang sedemikian, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti penerima penyiaran radio terestrial untuk menerima penghantaran daripada suatu stesen pemancar penyiaran tertakluk kepada pengendalian stesen pemancar penyiaran tersebut dibenarkan oleh penguntukan radas.

JADUAL KEDUA PULUH EMPAT

Penguntukan Kelas bagi Peranti Penerima Kelui Radio Satu-Hala

1. Takrif

(1) Dalam penguntukan kelas ini, "peranti penerima kelui radio satu-hala" ertinya suatu peranti radiokomunikasi satu-hala yang berkomunikasi dengan suatu stesen pangkalan kelui yang disediakan oleh pemegang lesen untuk menerima nada, suara, pesanan berangka atau alfanumerik dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.

(2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti penerima kelui radio satu-hala hendaklah hanya menggunakan spektrum yang sama yang diuntukkan dengan cara penguntukan radas bagi tujuan

menerima spektrum dan penggunaan spektrum yang sedemikian, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif.

3. Penguntukan kelas

Penguntukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti penerima kelui radio satu-hala untuk berkomunikasi hanya dengan suatu stesen pangkalan kelui tertakluk kepada pengendalian stesen pangkalan kelui tersebut dibenarkan oleh penguntukan radas.

JADUAL KEDUA PULUH LIMA

Penguntukan Kelas bagi Peranti Penerima Radiolokasi Satelit

1. Takrif

- (1) Dalam penguntukan kelas ini, "peranti penerima radiolokasi satelit" ertinya suatu peranti penerima yang berkomunikasi dengan suatu stesen angkasa lepas yang menyediakan maklumat mengenai kedudukan dalam jalur frekuensi yang ditetapkan.
- (2) Tertakluk kepada sub-perenggan (1), semua terminologi yang bersifat teknikal sepenuhnya hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Konvensyen Telekomunikasi Antarabangsa.

2. Jalur frekuensi

Suatu peranti penerima radiolokasi satelit hendaklah hanya menggunakan jalur-jalur frekuensi berikut yang diuntukkan bagi Penguntukan Kelas ini, yang antara kegunaan lain, adalah berdasarkan perkongsian bukan-eksklusif:

- (a) 1164.0000 MHz ke 1400.0000 MHz;
- (b) 1559.0000 MHz ke 1610.0000 MHz; atau
- (c) 5000.0000 MHz ke 5030.0000 MHz

3. Pengantukan kelas

Pengantukan kelas ini memberikan hak kepada mana-mana orang untuk mengendalikan suatu peranti penerima radiolokasi satelit tertakluk kepada peranti tersebut dikendalikan dalam lingkungan jalur frekuensi sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2.

Pembatalan

6. Pengeluaran Notifikasi Pengantukan Kelas seperti yang diterbitkan dalam P.U. (B) 416 pada 1 November 2004 adalah dibatalkan.

Bertarikh: 1 April 2010

TAN SRI KHALID B. RAMLI

Pengerusi

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

Malaysia